

# IQRA'

Bil. 3/2022  
MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:  
Topik Transgender**  
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:  
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**  
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan  
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**  
PTAR Dungun - muka 30




**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat  
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**  
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:  
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**  
PTAR Hospital UiTM - muka 54

## PROMOSI@PTAR





**Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman**



*Pada 18 Mac 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan Program Library Outreach bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Seramai 4 orang pelajar yang menjadi wakil MPP dari UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin iaitu:*

*Mohamad Syahiran Azizan – Naib Yang Dipertua  
Nuraini Rasyidah M.Razali – Bendahari Kehormat  
Zulfazdlie Mohd Fawdzi – Setiausaha Eksekutif  
Ahmad Azizul Azman – EXCO Keusahawanan & Inovasi*

*Program ini berlangsung lebih kurang 2 jam bermula jam 9.00 pagi, dimulai dengan ucapan kata aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan. Taklimat perpustakaan serta sesi perbincangan dua hala juga telah dijalankan. Program telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium Cisco Webex.*

*Topik perbincangan bertumpukan mengenai cadangan penambahbaikan, perancangan, kerjasama serta sokongan program atau aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2022.*

*PTAR berharap program ini dapat menjalinkan hubungan yang baik antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan semoga jalinan ini dapat membantu PTAR dalam menyebarkan perkhidmatan digital perpustakaan kepada semua pelajar UiTM Cawangan Melaka terutama pelajar Kampus Jasin.*

*PTAR sentiasa berusaha meningkatkan capaian perkhidmatannya kepada pelanggan melalui perkhidmatan terkini yang sesuai dengan keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UiTM serta menyokong kepada keperluan maklumat sepanjang tempoh ODL para pelajar.*

